

# INFOKUS



JUN 2023 | Bil. 83  
www.umt.edu.my




PERENTAS UMT  
**Sambut Ulang Tahun  
Ke-20**

REPUBLIKA MERAH  
**Platform Aktiviti  
Perbukuan Sempena  
PBAKL**

UMT Perkasa  
**Kepakaran Pemandu  
Selam Skuba**

eISSN: 2716-6457



9 772716 645004

# Terkini di pasaran



**RM50.00**

## Ubatan Herba Bersandarkan Bukti: Penilaian Saintifik dan Inovasi Pembangunan Produk

Fadzilah @ Adibah Abdul Majid

ISBN: 978-967-2793-83-0  
2023

like and follow us on



penerbitumt

# Sidang Redaksi



## **Penaung**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar



## **Penasihat**

Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh



## **Ketua Pengarang**

Mohd Afifullah Ahmad



## **Pereka Grafik**

Mohd Fadli Abdullah

## **Jurufoto**

Kru Media Kreatif

# Kandungan

- 4** PERENTAS UMT Sambut Ulang Tahun Ke-20
- 6** REPUBLIKA MERAH Platform Aktiviti Perbukuan Sempena PBAKL
- 8** UMT Perkasa Kepakaran Pemandu Selam Skuba
- 11** "Terokai Ilmu Perniagaan Digital" Terap Kemahiran Teknologi Usahawan PKS Tempatan
- 12** Kesukarelawanan Skop Utama Alumni UMT@ Chapter Selatan
- 14** UMT Cambah Minat Terhadap Subjek Kimia Melalui Pendekatan Sosio Sainifik
- 16** 6P Teras Bengkel Hala Tuju Pusat Alumni
- 17** Projek Khidmat Komuniti Microbe Care Day Dedah Peranan Mikroorganisma
- 18** Pelajar Geosains Marin Soroti Kegemilangan Bukit Besi
- 21** Penyumbangan Kembali Alumni Kepada Universiti
- 22** Program Konservasi Geosains Semai Sikap Hargai Alam Sekitar
- 24** Renungan

# PERENTAS UMT

## Sambut Ulang Tahun Ke-20

oleh:  
Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman  
Pusat Kesihatan Universiti



Sempena Ulang Tahun Persatuan Pentadbir dan Ikhtisas (PERENTAS) UMT kali ke-20, sambutan Ulang Tahun PERENTAS telah diadakan pada 10 April 2023 bertempat di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah dan telah dirasmikan oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar.

Naib Canselor dalam ucapannya berkata, “amalan berpersatuan merupakan satu amalan yang terbaik untuk menerjemahkan semangat bekerjasama antara semua pihak dalam memberi sokongan demi kecemerlangan UMT baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa”.

“Selain itu, melalui persatuan, ianya menjadi medium kebajikan kakitangan lebih terjamin dan hak untuk bersuara bagi agenda yang positif serta membina kelestarian pengurusan organisasi agar ia dapat disampaikan melalui saluran yang betul”, kata Mazlan lagi.

Profesor Dato' Dr. Mazlan turut menambah, sebagai seorang pentadbir di Institusi Pengajian Tinggi, mereka perlu menerapkan prinsip 3R iaitu relevant, referred dan respected (relevan, dirujuk dan dihormati) bagi menjamin keberhasilan serta keberkesanan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab pentadbir.

Sementara itu, Presiden PERENTAS UMT, Wan Mohd Wazir Wan Abdul Wahab ketika ditemui turut memaklumkan majlis diadakan bertujuan untuk memberi suntikan motivasi kepada para pentadbir untuk lebih berdaya saing dalam pembangunan bakat kerjaya masing-masing. Ia juga sebagai penghargaan dan penanda aras atas pencapaian kualiti serta sumbangan di luar kerjaya seorang pentadbir dalam memacu pemerksaan citra UMT

Majlis diadakan bagi memberi penghargaan kepada pentadbir UMT yang telah berkhidmat dengan cemerlang, mempunyai nilai tambah serta potensi bakat dalam pelbagai bidang



termasuklah penulisan ilmiah, perkhidmatan komuniti, skim penyelidikan dan lain-lain yang berkaitan.

Pada masa yang sama, PERENTAS turut meraikan jasa dan sumbangan pegawai termasuklah Presiden Kongres Kesatuan Pekerja- Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Dat'o Haji Adnan Mat untuk Anugerah Khas Pentadbir Ulung PERENTAS (2019-2025), Raja Shah Erman Raja Arifin, Presiden Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI)(2019-2023), diikuti mantan Presiden MASTI (2015-2019), Azri Hohad dan Mohd Salehudin Sukor ((2013-2015).

Menurut salah seorang pemenang bagi kategori Anugerah Pentadbir Harapan UMT, Ahmad Mustaffa Mohamad berkata, anugerah yang diterima menjadi titik permulaan untuk pentadbir agar terus bersemangat untuk mempamerkan hasil kreativiti dan kemahiran di luar bidang tugas hakiki pentadbir. Ia juga sebagai penanda aras dan nilai tambah serta peluang kepada pentadbir berada di posisi yang lebih efisien dalam kenaikan pangkat di dalam organisasi.

Antara pengisian menarik sepanjang majlis adalah program Jerayawara dan Dialog Khas



bersama CUEPACS dengan topik “Isu- Isu Semasa dan Masa Depan Penjawat Awam Malaysia” yang telah disampaikan oleh Dato’ Haji Adnan Mat.

Sementara itu, PERENTAS turut menjemput Raja Shah Erman Raja Arifin dalam sesi Dialog Sumber Manusia MASTI dengan tajuk “Skim Pentadbir Universiti Awam Malaysia”.

Majlis tahlil, doa selamat dan Iftar Jamaic PERENTAS turut diadakan serentak bagi meraikan ahli PERENTAS bertempat di Bilik Jamuan, Dewan Sultan Mizan, UMT bersempena bulan Ramadan.

Turut hadir ke majlis perasmian Sambutan Ulang Tahun PERENTAS Ke -20 ialah para pemenang anugerah mengikut kategori yang dipertandingkan serta ahli PERENTAS UMT.

1. Pemenang Anugerah turut diraikan dalam Sambutan Ulang Tahun PERENTAS.
2. Penyampaian Anugerah pentadbir Ulung PERENTAS kepada Presiden CUEPACS, Dato' Haji Adnan Mat.
3. Naib Canselor UMT, Profesor Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar menyempurnakan gimik perasmian Sambutan Ulang Tahun PERENTAS UMT ke-20.

# REPUBLIKA MERAH

## Platform Aktiviti Perbukuan Sempena PBAKL

oleh:

Mohd Afifullah Ahmad  
Penerbit UMT

**P**esta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 pada tahun ini memasuki edisi ke-40 penganjuran. Dengan penyertaan lebih 256 pempamer merangkumi pelbagai genre penerbitan, PBAKL kali ini menampilkan China sebagai negara tamu dan Sarawak sebagai negeri tamu.

Reruai majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) menjadi medan beraksi buat Penerbit UMT di PBAKL 2023. Reruai MAPIM menghimpunkan 21 penerbit institusi pendidikan awam dan swasta menjadi tumpuan bagi pemburu buku-buku ilmiah untuk mendapatkan buku-buku pilihan dan juga judul-judul baharu.

Bagi memastikan reruai MAPIM ini bukan hanya sekadar tempat menjual buku, slot Republika Merah telah menjadi acara sampingan bagi menambah kemeriahan reruai. Setiap penerbit diberi peluang menggunakan slot Republika Merah sebagai platform untuk aktiviti perbukuan seperti temu bual, wacana dan juga forum bagi mempromosikan buku terbitan masing-masing.

Penerbit UMT semestinya tidak ketinggalan merebut peluang ini dengan mengadakan dua slot Republika Merah. Buku “Bahasa Kepemimpinan Rasulullah SAW: Teladan Qiwamah dalam Rumah Tangga” telah dipilih untuk ditonjolkan dalam slot yang pertama yang telah diadakan pada 28 Mei 2023. Penerbit UMT telah mengundang ketiga-tiga penulis buku iaitu Dr. Ariza Abdullah, Dr. Taj Rijal Muhamad Romli dan Profesor Madya Dr. Anida Sarudin bagi mengupas kandungan selain berkongsi pengalaman sepanjang penulisan buku tersebut.

Buku hasil karya penulis dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ini membincangkan tentang bahasa teladan yang diaplikasikan oleh Rasulullah SAW di samping menghuraikan tentang bentuk-bentuk bahasa Baginda dari sudut huraian linguistik.

Slot Republika Merah yang kedua pula berbentuk program kesedaran yang bertajuk “Sayangi Belangkas, Pulihara Belangkas, Belangkas Khazanah Kita”. Slot ini bertujuan untuk menyampaikan mesej mendidik bagi mengelakkan kepupusan belangkas. Slot ini dijayakan oleh Puan Anis Syahira Abdul Halim dari Kumpulan Penyelidikan Belangkas (HCRG) UMT.

Sesi kesedaran tentang belangkas ini menjadi tumpuan oleh para pengunjung PBAKL untuk melihat dengan lebih dekat sampel belangkas yang dibawa dari UMT. Selain itu, interaksi dan soal jawab berlaku dengan sangat aktif antara pengunjung dan tetamu jemputan. Turut hadir ke sesi ini ialah para pelajar dari SMK Majidi Baru 2, Johor Bahru.

Di samping program kesedaran belangkas, slot ini turut mengenengahkan buku-buku berkenaan belangkas yang telah diterbitkan oleh Penerbit UMT yang terdiri dari buku mewah, manual, buku umum dan juga buku kanak-kanak.

Penerbit UMT amat mengalu-alukan penglibatan para pengarang untuk memeriahkan slot Republika Merah dalam pesta-pesta buku yang akan datang. Para pengarang bukan sahaja berpeluang untuk memasarkan buku malah dapat membuka minda para pengunjung untuk lebih mengenali UMT.



1



2



1. Slot Republika Merah buku “Bahasa Kepemimpinan Rasulullah SAW: Teladan Qiwamah dalam Rumah Tangga” dikendalikan oleh Mohd Nuraidil Zakaria dari Penerbit UMT
2. Puan Anis Syahira Abdul Halim bersama para murid SMK Majidi Baru 2.



# UMT Perkasa Kepakaran Pemandu Selam Skuba

oleh:  
Dr. Kalsitinoor Set  
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

**I**ndustri selam skuba di Malaysia memiliki daya tarikan istimewa dalam kalangan pelancong selam skuba sama ada domestik mahu pun antarabangsa. Mempunyai kelebihan dari segi faktor kawasan beriklim tropika dan persekitaran marin yang menarik dan unik telah mewujudkan peluang perniagaan dalam perkhidmatan pakej selam skuba dalam kalangan operator pelancongan khususnya operator selam skuba. Secara tidak langsung, ini mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti pesisir pantai khususnya penduduk di negeri yang mempunyai pulau.

Negeri Terengganu mempunyai tujuh pulau peranginan yang disasarkan sebagai destinasi pelancongan iaitu Pulau Perhentian Besar, Pulau Perhentian Kecil, Pulau Lang Tengah, Pulau Redang, Pulau Bidong, Pulau Tenggol dan Pulau Kapas. Pelbagai destinasi pakej selam skuba disediakan oleh operator

selam skuba untuk menarik perhatian pelancong dengan diselia oleh pemandu selam skuba bagi memastikan pelancong dapat menikmati keindahan persekitaran marin di tapak menyelam dengan selamat dan terkawal.

Penyelam skuba di seluruh dunia mendapat latihan serta pensijilan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Recreational Scuba Training Council di peringkat antarabangsa. Garis panduan ini menyediakan satu set kecekapan teras yang membolehkan penyelam yang berkelayakan iaitu Dive Professional yang terdiri daripada Dive Master dan Instructor Scuba untuk menyediakan perkhidmatan panduan dan penguasaan dalam kemahiran menyelam dalam industri selam skuba.

Walaupun bagaimanapun, set kecekapan tersebut hanya berfokuskan kepada pengurusan menyelam sahaja. Oleh itu,





2



3

melalui dana ‘Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS) (UMT/ KTAGS-2022/58921), Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri UMT, aktiviti pemindahan ilmu iaitu “Memperkasakan Kepakaran Pemandu Selam Skuba Negeri Terengganu” telah dilaksanakan dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan pemandu selam skuba serta meningkat kualiti perkhidmatan operator selam skuba di negeri Terengganu.

Modul bagi pemindahan ilmu ini merangkumi empat topik iaitu yang pertama, elemen hospitaliti dengan menekankan lima elemen A’s (Tarikan (Attractions), Kebolehcapaian (Accessibility), Penginapan (Accommodation), Kemudahan (Amenities) dan Aktiviti (Activities). Topik yang kedua adalah mengenai produk dan pengetahuan mengenai keunikan dan keistimewaan kepelbagaian hidupan marin iaitu kima gergasi, nudibrankia, ikan terumbu karang, terumbu karang, span dan invertebrata di tapak selaman di pulau-pulau negeri Terengganu. Topik ketiga adalah mengenai hak perundangan operator selam Skuba manakala topik terakhir menyentuh tentang dasar dan polisi perlindungan marin.

Penceramah modul adalah terdiri dari pakar pelbagai bidang di UMT dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Institut Oseanografi dan Sekitaran dan Institut Akualkultur Tropika dan Perikanan serta

1. *Peserta dan penceramah program Memperkasakan Kepakaran Pemandu Selam Skuba Negeri Terengganu*
2. *Peserta program menghayati topik keunikan produk pelancongan marin negeri Terengganu*
3. *Ahli projek Memperkasakan Kepakaran Pemandu Selam Skuba Negeri Terengganu. Dari kiri, Dr. Kalsitnoor Set, Dr. Izwandy Idris, En Yusri Yusuf, Pn. Norainy Mohd Husin, Dr. Jen Nie Lee, Cik Nur Fazne Ibrahim, Cik Sofea Cheah Azlan dan Puan Nurul Najwa Napatah*



penceramah industri dari Jabatan Perikanan Malaysia bagi topik berkaitan Polisi dan Perlindungan Marin.

Program ini melibatkan seramai 14 Dive Profesional daripada operator-operator selam skuba yang beroperasi di Negeri Terengganu seperti Aquarius Redang, Redang Ocean Dive Center, D'Lagoon Dive Center, Octo Diver, Raja Laut dan Afro Scuba Tenggol serta turut melibatkan agensi kerajaan dari UMT dan Jabatan Perikanan Malaysia. Sesi pertama selama tiga hari yang bermula pada 19 hingga 21 Oktober 2022 telah berlangsung di Pusat Taman Laut Redang manakala sesi kedua diadakan secara dalam talian pada 25 November 2022.

Peserta program, En. Azharil Amin, Instruktur Selam Skuba, D'Lagoon Dive Center Pulau Perhentian berpendapat program ini adalah satu pendekatan yang positif dan dapat membentuk kerjasama di antara operator selam skuba dan agensi kerajaan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan serta menambahkan pengetahuan dalam kalangan pemain industri selam skuba negeri Terengganu. Maklumat dan pengetahuan mengenai hidupan laut serta pengurusan hospitaliti pelancongan yg diperoleh dari penyertaan kursus ini dapat pula

4. *Aktiviti pengukuhan pengetahuan peserta mengenai produk pelancongan marin di dasar laut*
5. *Penceramah memberikan taklimat topik hospitaliti dalam industri selam skuba*



dipraktikkan dan disampaikan pada penyelam dan secara tidak langsung memantapkan lagi konsep perkongian ilmu dalam industri ini secara menyeluruh.

Program pemindahan ilmu ini dapat memberikan impak yang signifikan terhadap profesionalisme pemandu selam skuba serta penambahan kualiti dalam kalangan operator selam skuba bagi merencanakan lagi industri selam skuba negara dalam bersaing dari segi perkhidmatan, pengetahuan serta kemahiran pemandu selam skuba dengan destinasi pelancongan selam skuba antarabangsa. Ia sejajar dengan Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 dibawah strategi transformasi Amalan Pelancongan Mapan dan Peningkatan Kemahiran Modal Insan.

# “Terokai Ilmu Perniagaan Digital”

## Terap Kemahiran Teknologi Usahawan PKS Tempatan

oleh:

Dr. Noor Fadhiha Mokhtar

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

**P**erusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PKS) disifatkan sebagai tulang belakang ekonomi tempatan kerana menerajui 97.2 peratus penubuhan perniagaan. Dari sudut positif, PKS menyumbang 38.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di samping kira-kira 7.3 juta pekerjaan berjaya diwujudkan. Selari dengan perkembangan teknologi, penerapan elemen digital yang relevan boleh memberikan impak positif jika digunakan dalam sesebuah perniagaan.

Selain menjadi komponen penting dalam perniagaan, perhubungan harmoni di antara pendigitalan dan perniagaan harus diwujudkan. Malah, jika penggunaan pendigitalan diabaikan, perniagaan akan hilang daya saing sama ada di peringkat tempatan dan global. Teknologi digital yang diterapkan dalam pelbagai bidang perniagaan ini akan terus menjadi sebahagian atau komponen dalam apa juga jenis perniagaan. Namun begitu, kekurangan penggunaan digital menyebabkan PKS negara ini ketinggalan di rantau ini.

Kesedaran terhadap penggunaan teknologi digital dalam perniagaan dalam kalangan PKS amat penting dalam memacu ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, dua siri program pemindahan ilmu “Terokai Ilmu Perniagaan Digital” telah diadakan pada 25 September 2022 dan 25 Februari 2023 bertempat di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, UMT.

Program ini telah dihadiri oleh seramai 37 orang usahawan PKS di sekitar Kuala Terengganu dan Kuala Nerus. Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan



kepada komuniti tentang keusahawanan digital, seterusnya membolehkan mereka memanfaatkan kuasa platform digital untuk mengembangkan perniagaan mereka selaras dengan agenda ekonomi digital negara.

Pengisian program ini merangkumi mencipta kreativiti melalui idea pemasaran, kenali pelanggan, ketahui dunia perniagaan digital dan teknik pemasaran digital. Peserta program turut didedahkan dengan langkah-langkah untuk menangani ancaman siber yang merupakan salah satu jenayah yang semakin meningkat pada masa kini. Pendedahan pengetahuan berkaitan perniagaan digital dan ancaman siber amat penting bagi mengurangkan risiko kepada usahawan PKS terutamanya dalam transaksi perniagaan dalam talian.

Program ini diketuai oleh Dr. Noor Fadhiha Mokhtar di bawah dana Knowledge Transfer and Assimilation Grant (KTAGS) berjumlah RM8000 dan turut disertai oleh dua orang pensyarah daripada Universiti Teknologi MARA, Terengganu sebagai penyelidik bersama. Program ini juga mendapat sokongan penuh daripada rakan industri iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kuala Terengganu.

# Kesukarelawanan

## Skop Utama Alumni UMT@ Chapter Selatan

oleh :  
Noorullaily Saffain  
Zolarman Muhamad  
Pusat Alumni



**P**ada 19 Januari 2023, Pusat Alumni telah menerima kunjungan daripada Alumni UMT @ Chapter Selatan bertempat di Anjung Alumni. Menerusi perjumpaan ini, En. Muhammad Naili Jazli Mohd Jamsari selaku Pengerusi Persatuan Alumni UMT Chapter Selatan telah membentangkan idea pelaksanaan bagi menjalankan Program Tautan Kasih Alumni Chapter Selatan (TAKACES) bersama Alumni Sekretariat Anak Johor Universiti Malaysia Terengganu (SOHOR) di Negeri Terengganu. Di samping itu, TAKACES adalah bertujuan untuk mencapai objektif yang digariskan oleh Alumni UMT @Chapter Selatan yang bermatlamatkan bagi mengumpulkan alumni yang berasal dari selatan tanah air. Selain

itu juga, adalah untuk menjalankan aktiviti kesukarelawanan yang akan membawa nama alumni UMT ke persada kebangsaan dan antarabangsa.

Pada 20 Januari 2023, Slot Ziarah Kasih ke Rumah Kebajikan dan Anak-Anak Yatim Baitul Sakinah, Kuala Terengganu. Rumah tersebut yang dihuni oleh seramai 27 orang anak-anak yatim berumur antara 4 hingga 7 tahun yang diuruskan oleh tiga orang penjaga. Kemudiannya, pada sebelah petang pula telah berlangsungnya Slot Ziarah Pasca Banjir dan Pesakit Kronik bertempat di Kampung Gong Baru, Gong Tok Nasek. Mewakili Pusat Alumni UMT, Alumni UMT@Chapter Selatan telah menyampaikan sumbangan kepada mereka yang



telah dilanda musibah bagi meringankan beban dan berkongsi sedikit kegembiraan.

Program diteruskan lagi dengan program penutup pada sebelah malam pula, telah berlangsungnya Slot Sembang Santai SOHOR UMT bertempat di BB Seafood Garden. Slot ini telah disertai seramai hampir 50 orang peserta bakal alumni. Antara agenda utama perbincangan adalah penyelarasan berkenaan program yang akan dilaksanakan di negeri Terengganu dan negeri Johor untuk tahun 2023.

Program Tautan Kasih Alumni Chapter Selatan (TAKACES) bersama alumni SOHOR UMT yang diadakan ini amat penting bagi membantu mangsa-mangsa banjir serta anak-anak yatim sekali gus bagi mengeratkan

silaturahim antara alumni. Program ini juga dapat mengekalkan hubungan rapat dengan pihak universiti dalam pembudayaan dan pembangunan alumni UMT. TAKACES ini juga berfungsi dalam memupuk sikap kesurelaksanaan melaksanakan aktiviti berpersatuan dalam kalangan setiap alumni UMT. Program ini akan dapat mencapai matlamat yang digariskan seterusnya dapat dilaksanakan seperti yang dirancang demi merealisasikan KPI yang disasarkan oleh universiti sebagaimana yang terkandung di dalam Pelan Hala Tuju Alumni 2023-2027 (PEHTA 2023-2027) yang telah diselaraskan dengan Pelan Strategik UMT 2023-2027 (PSUMT 2023-2027).

1. Slot Ziarah Kasih ke Rumah Kebajikan dan Anak-Anak Yatim Baitul Sakinah, Kuala Terengganu
2. Slot Ziarah Pasca Banjir dan Pesakit Kronik bertempat di Kampung Gong Baru, Gong Tok Nasek.
1. Lawatan daripada Alumni UMT @ Chapter Selatan ke Pusat Alumni di Anjung Alumni

# UMT Cambah Minat Terhadap Subjek Kimia

## Melalui Pendekatan Sosio Sainifik

Oleh:

Prof Madya ChM. Dr Hanis Mohd Yusoff  
Dr Nurhanna Batar @ Badar  
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin



Penguasaan dan minat terhadap subjek sains semakin berkurangan dalam kalangan pelajar. Hal ini dapat dilihat dengan kemerosotan bilangan pelajar yang memasuki jurusan sains di universiti berbanding jurusan bukan sains. Salah satu sasaran yang perlu diberi perhatian adalah pelajar sekolah menengah kerana mereka lebih dekat dan dikatakan hanya selangkah lagi ke alam universiti. Menggunakan peluang dan ruang yang diberikan oleh Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat (PPJIM, satu projek di bawah dana Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme (KTAGS) telah dijalankan.

Projek yang bertajuk “Pengenalan kepada isu sosio-saintifik dalam pembelajaran kimia tingkatan 4” ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Hanis Mohd Yusoff dan dijalankan bersama tiga orang ahli lain iaitu Prof. Madya Dr. Chia Poh Wai, Prof. Madya Dr. Noor Aniza Harun dan Dr.



Nurhanna Batar @ Badar yang kesemuanya dari Fakulti Sains dan Sekitaran Marin.

Pendekatan sosio-saintifik adalah salah satu cara untuk menambah minat pelajar kerana pendekatan ini berkait rapat dengan kehidupan seharian. Tanpa disedari, perkara yang terjadi di sekeliling adalah sangat berkait rapat dengan kimia amnya. Sebagai contoh, bahan kimia yang ada pada bawang yang boleh menyebabkan seseorang menangis dikenali sebagai propantial s-oksida. Melalui cara ini juga, pemahaman terhadap sesuatu topik dapat ditingkatkan lagi.



Seramai 140 orang murid tingkatan empat yang mengambil subjek kimia menerima manfaat menerusi projek ini daripada lima buah sekolah terlibat iaitu SMK Pengkalan Berangan, SMK Rusila, SMK Kompleks Mengabang Telipot, SMK(A) Kuala Abang dan SMK Padang Kemunting. Satu modul khas juga telah dibangunkan oleh semua ahli dengan kerjasama daripada pensyarah Kolej Matrikulasi Kedah.

Soalan kaji selidik diberikan kepada peserta sebelum dan selepas pendedahan pelajar terhadap pendekatan isu sosio-saintifik untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan pendekatan yang digunakan. Selain itu aktiviti amali turut dibuat bersama pelajar sekolah SMK Padang Kemunting. Kelebihan projek ini adalah

modul yang dibuat merangkumi semua topik tingkatan empat berserta soalan yang berkaitan dengan isu sosio-saintifik yang boleh digunapakai oleh guru-guru terlibat.

Dapatan daripada kaji selidik adalah sangat memberangsangkan yang mana majoriti pelajar mengetahui tentang pendekatan isu sosio-saintifik daripada pensyarah UMT. Minat terhadap kimia juga turut meningkat selepas pelajar mengikut program pendekatan isu sosio-saintifik ini terutamanya secara bersemuka. Maklum balas guru juga turut diambil di mana mereka sangat mengalu-alukan program dan pendekatan sebegini kerana secara tidak langsung mereka turut dapat belajar pendekatan baharu seiring dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran.

1. Penyampaian modul dan cenderamata kepada pengetua dan guru kimia SMK (A) Kuala Abang
2. Ahli KTAGS serta AJK terlibat bersama guru dan pelajar tingkatan 4 dan 5 Sekolah Menengah Padang Kemunting
3. Aktiviti makmal "Walking Water"
4. Ketua projek memberikan pengenalan pendekatan isu sosio-saintifik
5. Aktiviti makmal "Smoking Finger"

# 6P

## Teras Bengkel Hala Tuju Pusat Alumni

Oleh :  
Noorullaily Saffain  
Zolarman Muhamad  
Pusat Alumni



**P**ada 12 hingga 14 Januari 2023 telah berlangsungnya Bengkel Hala Tuju 2023-2027 bertempat di H Elite Design Hotel, Kota Bharu, Kelantan. Bengkel ini telah dirasmikan oleh En. Mohd Khairul Hakimi Mohd Nawi Ahli, Ahli Lembaga Pengarah Universiti merangkap Presiden Persatuan Alumni UMT.

Bengkel ini melibatkan 11 orang Jawatankuasa Persatuan Alumni UMT dan 17 orang Penyelaras Alumni fakulti. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk merancang dan merangka program yang dijangka mampu melonjak alumni di samping memastikan alumni akan terus mendapat manfaat serta mengeratkan muafakat dan ukhwah dalam kalangan warga Alumni. Selain itu, bengkel ini juga diadakan adalah untuk memberi penerangan jelas kepada penyelaras alumni yang baharu berkaitan hala tuju dan matlamat pemerkasaan alumni UMT berikutan berlakunya ramai pertukaran dan pelantikan penyelaras alumni baharu di fakulti.

Melalui bengkel ini, para peserta telah dibahagikan kepada enam kumpulan dan setiap kumpulan telah diberi tugas bagi memberi input dan strategi mengikut peranan kumpulan masing-masing berteraskan “6 Big Ideas” (6P).



Para peserta juga telah diberi masa dan ruang bagi sesi perbincangan bersama ahli kumpulan.

Akhir sekali, para peserta perlu membentangkan hasil perbincangan bagi mengumpul idea dan cadangan ke arah pemantapan perancangan Pelan Hala Tuju Alumni 2023 – 2027 untuk mencapai objektif yang disasarkan berteraskan “6 Big Ideas” (6P) iaitu Pengesanan Alumni, Pembudayaan Alumni, Penjanaan Sumber Kewangan, Pembangunan Alumni, Penjagaan Kebajikan Ahli dan Penyumbangan Kembali Alumni Kepada Universiti.

Bukan itu sahaja, melalui bengkel ini Pusat Alumni dapat membentuk satu jaringan berstruktur agar segala bentuk sumbangan, kepakaran, kemahiran serta data alumni dapat disalurkan kepada pihak universiti secara optimum.

1. Sesi Perbincangan Hala Tuju Alumni 2023-2027 mengikut kumpulan berteraskan “6 Big Ideas” (6P)



# Projek Khidmat Komuniti Microbe Care Day Dedeh Peranan Mikroorganisma

oleh: Ts. Dr. Fazilah Ariffin  
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

**P**rojek Khidmat Komuniti Microbe care Day siri kelima telah dianjurkan oleh pelajar daripada Kursus Mikrobiologi Lanjutan (BIS3143) dengan kerjasama lima orang pensyarah daripada RIG BIOSES dan seorang staf Makmal Mikrobiologi, FSSM. Program ini telah diadakan pada 10 Jun 2023 melibatkan 77 pelajar tingkatan dua, SMK(A) Dato' Haji Abbas, Kuala Nerus.

Program ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar sekolah untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang bidang mikrobiologi khususnya penekanan terhadap peranan mikroorganisma di persekitaran dan kesihatan diri.

Pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan program dimulakan dengan aktiviti senamrobik melibatkan semua pelajar UMT, staf UMT, dan pelajar sekolah. Aktiviti seterusnya ialah melihat mikroorganisma di bawah mikroskop, mempelajari mikroorganisma penyebab penyakit, "microbiology scavenger hunt", sesi latihan dalam kumpulan, serta aktiviti menjawab soalan kuiz berdasarkan aktiviti yang dilakukan.



Hasil program ini telah melahirkan semangat kerjasama dalam pasukan dengan adanya tenaga kerja daripada setiap pelajar kursus ini dalam melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat yang telah diaturkan. Program ini secara tidak langsung telah mendedahkan para pelajar UMT untuk mengorganisasikan program khidmat komuniti secara sistematik dalam menekankan aspek-aspek mikroorganisma di persekitaran dan kesihatan diri kepada pelajar sekolah.



1. Pelajar mempelajari teknik penggunaan mikroskop untuk melihat sel bakteria
2. Pelajar mempelajari contoh-contoh mikroorganisma penyebab penyakit kepada manusia
3. Pelajar berpeluang belajar asas mikrobiologi melalui sesi latihan dalam kumpulan bersama fasilitator

# Pelajar Geosains Marin Soroti Kegemilangan Bukit Besi

oleh:

Dr. Dony Adryansyah Nazaruddin

Dr. Nor Bakhiah Baharim

Nur Izzah Mohd Ali

Fakulti Sains dan Sekitaran Marin



Pada 27 November 2022, program Geosains Marin FSSM telah mengadakan lawatan ke Muzium Bukit Besi dan kawasan sekitarnya. Lawatan ini bertujuan untuk membantu para pelajar Geosains Marin tahun satu yang mengambil kursus ‘Mineral dan Batuan’ memahami jenis mineral dan batuan yang terdapat di kawasan tersebut dan sejarah perlombongan bijih besi di Terengganu.

Lawatan tersebut melibatkan seramai 24 orang pelajar tahun satu serta dua orang pensyarah program Geosains Marin, Dr. Nor Bakhiah Baharim dan Dr. Dony Adryansyah Nazaruddin. Rombongan turut diberi

penerangan berkenaan koleksi dan artifak yang terdapat di muzium tersebut oleh Encik Wan Mohd Rosli Wan Ngah, Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) Kawasan Dungun yang juga Ahli Jawatankuasa PSM Cawangan Terengganu.


Menyorot kembali sejarah, Bukit Besi pada asalnya dikenali dengan nama Bukit Seri Bangun dan merupakan sebuah perkampungan kecil yang dibuka oleh sekumpulan pemburu dan pencari hasil hutan. Sejarah penemuan bijih besi bermula apabila beberapa orang penduduk tempatan menemukan batu-batu yang berat berbanding batu biasa. Hasil kajian yang dilakukan oleh mereka yang mempunyai



2



3



4



pengetahuan tentang batu-batuan mendapati bahawa batu-batu tersebut mengandungi bijih besi yang bermutu tinggi.

Pada tahun 1916 hingga 1919, pihak Jepun yang mendengar berita tentang penemuan bijih besi ini telah menghantar ahli geologi mereka yang diketuai oleh M. Kuhara dan mengesahkan kewujudan deposit bijih besi dalam jumlah yang banyak. Pada tahun 1929, pihak Jepun memulakan aktiviti perlombongan di sini dan dari sejak itulah kawasan ini berkembang menjadi bandar perlombongan yang dikenali dengan nama Bukit Besi. Kerja-kerja


perlombongan ini kemudiannya diwartakan secara rasmi pada 1931 oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada masa itu.

Secara geologinya, kawasan Bukit Besi terutamanya terdiri daripada batu rejaman granit, syal, dan batuan metasedimen. Bijih besi ialah istilah yang digunakan kepada batuan yang mengandungi mineral-mineral yang boleh menghasilkan logam besi. Bijih besi yang terdapat di sini terdiri daripada mineral-mineral dengan oksida-oksida besi seperti magnetit ( $\text{Fe}_3\text{O}_4$ ), hematit ( $\text{Fe}_2\text{O}_3$ ), geotit ( $\text{FeO}(\text{OH})$ ), dan siderite ( $\text{FeCO}_3$ ).

1. Bahagian dalam muzium
2. Contoh bijih besi yang ditampilkan di dalam muzium
3. Pelajar Geosains Marin UMT memerhati koleksi khazanah di dalam muzium
4. Terowong wagon bawah tanah
5. Terowong belting
6. Tin plant/washing plant
7. Stock pile 1
8. Stock pile 2
9. Cerobong

## 20 SOROTAN PERISTIWA

Peserta rombongan turut dibawa melawat ke tapak-tapak peninggalan perlombongan seperti terowong wagon bawah tanah, *crushing plant*, tempat menyimpan bahan letupan, terowong belting, *tin plant/ washing plant*, *stock pile*, dan cerobong. Sebahagian daripada kuarters pekerja lombong masih utuh hingga ke hari ini.



Bukit Besi yang suatu ketika dahulu merupakan sebuah bandar perlombongan dan antara bandar paling maju di Malaysia kini terpahat dalam lipatan sejarah. Sewajarnya, artifak dan peninggalan era kegemilangan perlombongan ini dipelihara untuk tatapan generasi akan datang.

# Penyumbangan Kembali Alumni Kepada Universiti

oleh:  
Noorullaily Saffain  
Zolarman Muhamad  
Pusat Alumni



**P**ada 21 Mac 2023, Pusat Alumni telah menerima sumbangan berupa 100 kotak barangan makanan yang bernilai RM10,000.00. Sumbangan barangan ini diterima daripada Yayasan EZ Prihatin dan diterima daripada Pengurus Besar Yayasan EZ Prihatin, Encik Muaz bin Abdullah yang juga alumni Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian (tahun 2022).

Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Madya Dr. Mohd Izani Bin Mohd Zain bersempena Program Jejak Citra anjuran Kolej Kediaman Luar Kampus UMT.

Manakala pada 23 Mac 2023 bersempena dengan hari pertama di bulan Ramadan, Encik Abdul Hadi Bin Samsu, Pengarah

Eksekutif R-United yang merupakan Alumni (Penyelidikan) Bioteknologi (tahun 1991) telah menyampaikan sumbangan bernilai RM5,000.00 kepada Pusat Islam UMT.

Salah satu elemen enam P (6P) di dalam Pelan Hala Tuju Alumni 2023-2027 (PEHTA 2023-2027) iaitu penyumbangan kembali alumni kepada universiti merupakan suatu program yang memerlukan lebih ramai alumni kembali menyumbang. Pusat Alumni amat mengharapkan agar lebih ramai alumni kembali kepada alma mater demi pemeraksanaan mahasiswa dan pembangunan universiti. Sumbangan yang dihulurkan boleh di dalam pelbagai bentuk sama ada kewangan, ilmu pengetahuan, kepakaran, barangan dan juga aktiviti kemasyarakatan.

# Program Konservasi Geosains

## Semai Sikap Hargai Alam Sekitar

oleh:  
Dr. Dony Adryansyah Nazaruddin  
Nurulhuda Abd Aziz  
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

1

Pada 16 Februari 2023, program Konservasi Geosains yang melibatkan seramai 24 orang pelajar tahun satu Sarjana Muda Sains (Geosains Marin) dengan Kepujian telah dijalankan di Bukit Keluang, Besut dan di Rumah Botol, Kampung Penarik, Setiu. Program konservasi yang bertemakan “*Sayangi Bukit Keluang dan Belajar daripada Rumah Botol*” ini merupakan salah sebuah aktiviti bagi kursus MPU3312 (Apresiasi Alam dan Warisan Laut) yang wajib diambil oleh semua pelajar UMT Tahun 1. Rombongan pelajar ini diiringi oleh dua orang pensyarah Program Geosains Marin iaitu Dr. Nor Bakhiah Baharim dan Dr. Dony Adryansyah Nazaruddin.

Pada jam 7.30 pagi, para peserta menaiki bas menuju ke lokasi pertama program iaitu di Bukit Keluang. Usai menikmati sarapan pagi, para pensyarah memberikan penerangan serta maklumat berkaitan program konservasi geosains ini dan matlamatnya.



Sambil meninjau kawasan di sekeliling bukit, para peserta telah diterangkan mengenai batuan yang menyusun kawasan Bukit Keluang yang didominasi oleh batu konglomerat. Selain itu, para peserta turut ditunjukkan fitur-fitur menarik di kawasan bukit seperti beberapa gua yang terdapat di lereng bukit tersebut. Gua-gua ini terbentuk oleh faktor rekahan pada lereng bukit dan hentaman ombak secara berterusan yang telah menghakis lereng bukit.



Aktiviti diteruskan dengan membersihkan kawasan Bukit Keluang dengan aktiviti mengutip sampah di sekitar pantai Bukit Keluang. Sampah sarap ini dikumpulkan ke dalam beg plastik dan diletakkan setempat bagi memudahkan kutipan oleh pekerja pembersihan.

Selanjutnya, program diteruskan dengan aktiviti mendaki. Dengan keadaan trek yang agak curam dan mencabar, perjalanan ke puncak Bukit Keluang mengambil masa yang agak lama kerana perlu menunggu beberapa pelajar yang keletihan. Meskipun begitu, para peserta saling membantu dan memberi semangat antara satu sama lain. Kesemua peserta selamat tiba ke puncak dalam tempoh dua jam pendakian dan berpeluang menikmati pemandangan yang mengagumkan dari puncak Bukit Keluang dengan pemandangan air laut yang biru kehijauan.

Lokasi program Konservasi Geosains seterusnya adalah di sebuah rumah kampung

yang unik dikenali sebagai Rumah Botol. Rumah berkenaan dihiasi dengan botol-botol kaca pelbagai bentuk dan ukuran yang disusun di bahagian dinding dan lantai serta bahagian luar rumah tersebut.

Rombongan berpeluang berjumpa dengan pemilik rumah tersebut yang dikenali sebagai Tok Ki. Beliau menjelaskan bahawa idea membina Rumah Botol bermula dari hobi sejak muda dengan mengumpul botol-botol kaca terutamanya yang dikutip di pantai selain untuk turut menjaga kebersihan kawasan pantai. Sehingga kini, beliau masih lagi kekal dengan hobi ini dan koleksi botolnya juga semakin bertambah.

Pengalaman istimewa yang penuh dengan keceriaan dan pengajaran sepanjang program Konservasi Geosains ini diharapkan sedikit sebanyak dapat menanamkan sikap keprihatinan terhadap alam sekitar dalam kalangan peserta.

1. *Aktiviti membersihkan kawasan Bukit Keluang sehingga ke dalam gua di lereng bukit*
2. *Aktiviti mendaki Bukit Keluang*
3. *Pemilik Rumah Botol yang dikenali sebagai Tok Ki memberi penerangan berkenaan rumah tersebut*
4. *Pemandangan indah dari atas Bukit Keluang*
5. *Bergambar bersama di hadapan Rumah Botol sebelum bertolak balik ke UMT*

# RENUNGAN

## SOLUSI KEHIDUPAN DENGAN TERAPI ZIKIR ASMA'UL HUSNA AI-MUTAKABBIR (SIRI 12)

Oleh:

Mohd Radhi Abu Shahim

Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial

### PENGENALAN

Antara nama-nama Allah SWT dalam rantaian Asma'ul Husna ialah Al-Mutakabbir iaitu Allah SWT Yang Maha Agung dan Yang Maha Sempurna. Manusia adalah insan yang amat kerdil. Apabila Allah SWT tidak dibesarkan dan dunia semata-mata menjadi matlamat hidup, maka seseorang itu sebenarnya lebih menghargai kehinaan dari kemuliaan.

Al-Mutakabbir adalah antara nama Allah SWT yang kita sebagai manusia tidak boleh bersifatan dengan nama ini. Nama-nama Allah SWT yang lain di dalam rantaian Asma'ul Husna seperti Maha Pengasih menyuruh kita menjadi pengasih manakala Maha Penyayang, kita disuruh menyayangi dan begitu juga Maha Pemurah, yang kita juga perlu ada sifat pemurah. Namun, sifat Al-Mutakabbir iaitu Yang Maha Agung dan Sempurna hanya ada pada Allah SWT dan kita tidak dibenarkan untuk mempunyai sifat tersebut. Dalam al-Quran Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Dan bagi-Nyalah keagungan dan kekuasaan di langit dan di bumi; dan dia lah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.*

*(Al-Jaathiyah 45:37)*

### PERBINCANGAN

Apabila kita berbicara mengenai nama Allah Al-Mutakabbir, kita akan berbicara mengenai tiga perkara:

#### Melihat kehebatan ciptaan Allah SWT

Kita melihat kejadian langit yang terapung-apung tanpa tiang. Kejadian bukit yang tersergam kukuh, matahari yang terus bercahaya dalam paksinya. Jika ciptaan Allah SWT itu sudah hebat, apatah lagi Penciptanya. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Dia lah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan - (mu) - dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?”*

*(Al-Mulk 67:3)*



Allah SWT menyeru manusia agar memerhatikan dengan teliti ciptaan-Nya berkali-kali, pasti manusia tidak akan menemui sebarang kecacatan kerana penciptaan Allah SWT sangat agung dan sempurna. Malaikat Mikail sebagai pembawa rezeki, tidak akan cepat sesaat atau lambat sesaat. Manusia itu disaran agar sentiasa memikirkan ciptaan Allah SWT pada setiap hari dan pasti semua kejadian itu tidak lah sia-sia seperti mana dalam Firman-Nya yang bermaksud:

*“(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka”.*

*(A-li’Imraan 3:191)*

### **Melihat kekuasaan Allah SWT**

Allah Al-Mutakkbir mempunyai kuasa dalam mentadbir seluruh alam cekarawala tanpa rasa letih atau putus asa. Dalam ayat al-Quran Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa kemudian Ia bersemayam di atas Arasy mentadbirkan segala urusan. Tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi syafaat melainkan sesudah diizinkanNya. (Yang bersifat demikian) itulah Allah, Tuhan (yang memelihara dan mentadbirkan keadaan) kamu; maka tunduklah dan taatlah kamu kepada perintahNya; patutkah kamu - setelah mengetahui kenyataan yang tersebut tidak mahu mengingatiNya?”*

*(Yunus 10:3)*

Sebagai seorang suami atau isteri, kadang-kadang berasa letih dengan karenah anak-anak dan pasangan kita. Allah SWT mentadbir seluruh alam dengan pelbagai perangai dan karenah manusia di muka bumi. Dalam keadaan kita yang melewat-lewatkan solat serta tidak khushyuk dan pelbagai lagi maksiat yang manusia lakukan, Allah SWT tetap memberi rezeki kepada kita. Allah SWT tidak hilang daya dan merasa penat dalam mentadbir.

*“Allah jualah yang menjadikan langit terangkat tinggi dengan tiada bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian Ia bersemayam di atas Arasy; dan Ia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya) tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Allah jualah yang mentadbirkan segala urusan; Ia menerangkan tanda-tanda kekuasaanNya satu-persatu, supaya kamu yakin kepada pertemuan Tuhan kamu (untuk menerima balasan)”.*

*(Ar-Ra’d 13:2)*

Allah SWT tidak pernah lupa dan tidak pernah penat jika dibandingkan dengan manusia.

Allah SWT dalam mentadbir matahari tidak pernah sekali matahari tidak bergerak. Allah SWT mentadbir dengan para malaikat menjalankan tugas masing-masing. Malaikat maut datang dengan kasih sayang – bayangkan seorang yang terlibat dalam kemalangan dan putus kepalanya tetapi malaikat maut tidak sampai-sampai, kepalanya masih hidup lagi tentulah menakutkan. Malaikat maut sampai tepat pada masanya. Ada malaikat yang membawa sakit seperti wanita hendak bersalin, sakitnya itu tepat dengan waktu melahirkan.

### **Keagungan Allah SWT Kekal**

Allah SWT Yang Maha Agung dan Sempurna itu adalah kekal. Pada ketika semua makhluk binasa dan hancur, maka Allah Al-Mutakabbir akan tetap kekal berkuasa yang kita boleh lihat dalam ayat al-Quran yang bermaksud:

*“Dan akan kekalah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan”*

*(Ar-Rahmaan 55:27)*

Manusia ada diberi kuasa dan kekuatan tetapi ia tidak kekal. Manusia mengalami proses penuaan dan lambat-laun akan lemah tubuh badannya. Dulu berkulit tegang tetapi kini sudah berkedut. Apa-apa yang boleh dilakukan atau dilalui semasa muda apabila tua tidak lagi larat seperti dahulu.

Oleh yang demikian, setelah kita mengetahui hebatnya Allah Al-Mutakabbir ini, maka akan lahir rasa ingin mengagungkan Allah SWT. Tidak akan lahir dalam diri seorang hamba ini sifat sombong, bongkak, takabbur dan sebagainya kerana keagungan hanyalah milik Allah SWT.

Manusia digalakkan untuk ada rasa keyakinan diri, namun jangan keyakinan tersebut sampai melahirkan sifat sombong dengan merasakan diri yang hebat dan orang lain dipandang hina. Keyakinan pada diri boleh melahirkan dua perkara iaitu orang yang boleh membuat sesuatu tetapi tetap bergantung kepada Allah SWT dan orang yang boleh membuat sesuatu tetapi sombong.

Sekiranya manusia cuba memakai sifat Allah Al-Mutakabbir ini, maka dia akan mewarisi lima perkara iaitu:

### **Hatinya akan mati**

Hal ini bermakna hatinya tidak akan dapat melihat kebenaran, merasai kebenaran dan menilainya. Iblis sombong dengan penciptaannya sehingga lupa bahawa dirinya juga adalah ciptaan Allah SWT sehingga mengingkari perintah Allah SWT. Ketika Allah SWT menyuruh seluruh penduduk langit tunduk kepada Adam a.s, semua mematuhi kecuali iblis kerana enggan dan adanya sifat takabbur. Apabila ditanya Allah SWT kenapa dia enggan sujud, dia mengatakan bahawa penciptaannya adalah lebih baik dari Adam a.s kerana Allah SWT menciptakan iblis dari api dan Adam AS dari tanah. Jika manusia ada sifat mutakabbir dalam diri, maka akan hilang sifat kebenaran itu kerana kebenaran itu datangnya dari Allah SWT.

### **Terhalanglah hidayah pada hatinya**

Hal demikian berlaku kepada Firaun yang telah ditunjukkan kekuasaan Allah SWT dengan datangnya belalang dan melalui doa Nabi Musa a.s, hilanglah belalang tersebut tetapi tetap ingkar. Didatangkan pula katak, Allah SWT bantu menghilangkan katak tetapi masih tidak beriman pada Allah SWT.

Firaun datangkan ahli-ahli sihir kerana menyangka Nabi Musa a.s juga seorang ahli sihir. Ahli sihir mencampakkan tongkat-tongkat mereka menjadi ular. Nabi Musa a.s disuruh mencampakkan tongkatnya menjadi ular yang lebih besar dan memakan ular-ular ahli sihir tersebut. Ahli sihir yang tahu ular besar itu bukan sihir tetapi mukjizat dan akhirnya beriman. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?”*

*(Ar-Rahmaan 55:13)*

### ***Hilangnya rahmat dari Allah SWT***

Rahmat ialah kasih sayang Allah SWT. Kasih-sayang-Nya amat penting dalam kehidupan kita. Tanpanya kita akan dibiarkan oleh Allah SWT. Jika kita berbuat maksiat, dibiarkan kita berbuat maksiat sampai terus tiada yang tegur. Kalau dalam keingkaran dibiarkan terus ingkar, kalau dalam kesusahan dibiarkan terus susah tanpa pembelaan. Kalau Allah SWT sayangkan kita, Allah SWT tidak akan biarkan kita keseorangan.

### ***Hilang keberkatan dalam hidup***


Berkat ialah pertambahan kebaikan. Orang yang takabbur walau ada harta, harta itu tidak membawanya kepada kebaikan sebaliknya melalaikannya. Ada orang yang ada kuasa, kuasanya merapatkan dirinya dengan Allah SWT dan ada juga yang mempunyai kuasa tapi dengan kuasa membuatnya makin jauh dari Allah SWT.

### ***Hilang ketenangan dalam hatinya***


Orang yang takabbur sentiasa ingin mencari penghargaan dan pujian daripada manusia. Suka menunjuk-nunjuk dan apabila tidak dapat penghargaan dan pujian maka hatinya akan menjadi sakit dan tidak tenang. Antara sifat manusia adalah hatinya yang sentiasa berubah-ubah. Hari ini dipuji esok mungkin dikeji. Jangan berharap pada manusia pasti hati tidak akan tenang.

### ***Kesimpulan***

Sebagai seorang manusia, kita disarankan untuk membentuk sifat tawaduk iaitu merendah hati dan menenangkan hati dengan iman. Kita disuruh untuk menjadi terbaik dan membina keyakinan agar dengan keyakinan tadi mendorong kita untuk melakukan amalan kebaikan. Namun, jangan sampai keyakinan tadi membuatkan diri kita berasa hebat dan memandang rendah dan hina pada orang lain. Oleh itu, jagalah hati supaya tidak takabbur (sombong, bongkak) sebab sifat Al-Mutakabbir itu hanya sifat Allah SWT.



Main Puteri Monodrama  
Azlina Musa  
Mohd Nuar Hashim  
ISBN: 978-967-2793-74-8  
2023




The Role of Seaport System in Regional Development: An Exploratory Analysis in East Coast of Peninsular Malaysia  
• Raja Somu  
• Jagan Jeevan  
• Nurul Haqimin Mohd Salleh  
• Rosmaizura Mohd Zain  
ISBN: 978-967-2793-81-6  
2023



Pengurusan Ternakan dan Pemasaran Kelulut Panduan untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana  
• Shamsul Bahri Abd Razak  
• Muhammad Abi Sofian Abd Halim  
ISBN: 978-967-2793-86-1  
2023



Eat Right Every Bite  
• Aidilla Mubarak  
• Wan Zawiah Wan Abdullah  
ISBN: 978-967-2793-94-6  
2023




Isu dan Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Bahasa dan Komunikasi Era Pandemik COVID-19  
• Che Hasniza Che Noh  
• Noor Rohana Mansor  
ISBN: 978-967-2793-84-7  
eISBN: 978-967-2793-85-4  
2023



Isu dan Keperluan Kaunseling Pelbagai Budaya Golongan Minoriti  
• Kamarul Md Shah  
• Rozita Jayus  
• Mohd Radhi Abu Shahim  
ISBN: 978-967-2793-90-8  
2023



Lengkuas Yang Mulia dan Gajus Yang Pelik  
• Fadzilah @ Adibah Abdul Majid  
• Isma Rosila Ismail  
• Fauziah Tufail Ahmad  
• Mohd Nizam Lani  
• Razifah Mohd Razali  
ISBN: 978-967-2793-96-0  
eISBN: 978-967-2793-99-1  
2023



Modul Projek Pertanian dan Penternakan Berkelompok  
**Penyunting:**  
• Norhayati Ab Manaf  
• Muhammad Abi Sofian Abdul Halim  
• Khatijah Omar  
ISBN: 978-967-2793-93-9  
2023